

Kehadiran MALCON - ISAF begitu disenangi penduduk setempat yang mengagumi keprihatinan Malaysia dalam usaha membangunkan semula negara mereka.

Berita Minggu 28 NOV 2010 MIS 4

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bharian.com.my
(Yang mengikuti misi kemanusiaan MALCON - ISAF di Bamiyan, Afghanistan)

“**A**PAKAH masih ada harapan untuk kami hidup aman dan selesa... cukuplah derita yang ditanggung selama ini,” demikian luahan gadis remaja, Najwa Hussien, 13, kepada penulis ketika menemuinya di Klinik Dara E Sadat, kira-kira satu setengah jam perjalanan dari Bamiyan, Afghanistan baru-baru ini.

Berkulit putih dan memiliki sepasang mata biru, Najwa antara penduduk kampung terpencil itu yang mendapatkan rawatan kesihatan Kontingen Malaysia - Pasukan Bantuan Keselamatan Antarabangsa (MALCON



Suara

Generasi muda kongsi harapan dengan pasukan tentera Malaysia

pendidikan sempurna, malah banyak sekolah musnah atau rosak teruk,” katanya.

Walaupun usianya masih muda, Najwa kelihatan cukup matang dalam menyuarakan pandangannya mengenai perkembangan semasa di Afghanistan, khususnya ganggapan perang di negaranya, yang kebanyakannya dimulakan pihak luar sebagai faktor utama penyebab kemiskinan dan kemunduran di bumi tandus itu.

“Sepanjang 13 tahun lamanya, saya puas melihat konvoi kereta kebal dan tentera asing di sini, selain mendengar bunyi tembakan dan letupan. Saya juga puas melihat kematian dan kemusnahan akibat peperangan yang berlaku. Sampai bila keadaan ini harus

Afghanistan

- ISAF) sempena misi kemanusiaan mereka atas jemputan Kerajaan Afghanistan, Amerika Syarikat (AS) dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO).

Malah, gadis cantik ini sanggup berjalan kaki sejauh dua kilometer dari rumah-

nya sebaik dimaklumkan jirannya mengenai kehadiran pasukan itu untuk menabur bakti di kampung yang terletak di kawasan pergunungan

di pinggir pekan Bamiyan.

Bagaimanapun, kehadiran-nya di klinik usang itu, yang sebahagiannya musnah selepas diserang puak Taliban beberapa tahun lalu, bukan untuk mendapatkan rawa-


tan kesihatan semata-mata, sebaliknya mahu melihat lebih dekat bagaimana doktor dan ahli paramedik MALCON - ISAF bekerja.

"Saya mahu menjadi seorang doktor, namun cita-

cita itu mustahil dicapai kerana tahap pendidikan amat mundur di sini. Perang yang berlanjutan sejak sekian lama menyebabkan kanak-kanak dan remaja Afghanistan tidak berpeluang mendapatkan

berterusan... sampai bila kami dapat peluang untuk hidup normal seperti kanak-kanak di negara lain," katanya.

Pandangan Najwa ada kebenarannya kerana Afghanistan tidak henti-henti dilanda peperangan bermula dari zaman penguasaan Rejim Kabul yang dibayangi Soviet Union (USSR) sehinggalah 'penjajahan' AS sejak 2001 hingga kini atas alasan memerangi pengganas susulan 11 September, sekali gus



Komander MALCON - ISAF, Leftenan Kolonel Norazan Omar beramah mesra dengan kanak-kanak sekolah di Bamiyan.



Najwa Hussien (dua dari kanan) bersama pasukan perubatan MALCON - ISAF.

HARDI EFFENDI | BERITA MINGGU

Air suam ganti susu

MELIHAT gelagat kanak-kanak kecil mencari sisa makanan dalam tong sampah pasti menyentuh perasaan sesiapa saja, namun ia sebahagian daripada realiti kehidupan penduduk Bamiyan, Afghanistan, wilayah terpencil, miskin dan paling sejuk di negara yang diisytiharkan sebagai zon perang itu.



Malah, pengalaman itu pasti tidak akan dilupakan pegawai dan anggota Kontingen Malaysia - Pasukan Bantuan Keselamatan Antarabangsa (MALCON - ISAF) yang menyalurkan bantuan perubatan di wilayah itu sejak sebulan lalu, dengan kebanyakannya mengangapnya berbeza sama sekali dari apa dipaparkan media asing sebelum ini.

Ketua Pergerakan Udara MALCON - ISAF, Kapten

ngan, kemudahan kesihatan dan pendidikan mereka yang amat daif," katanya.

Berada empat bulan lebih awal di wilayah itu sebagai Kumpulan Pendahuluan MALCON - ISAF memberi peluang kepada Salfarizal meninjau kehidupan di beberapa kampung ber-

sukar dilupakan ketika pasukan-nya menjalankan ibadah korban untuk diagihkan kepada keluarga miskin bersempena Aidiladha, baru-baru ini.

"Dianggarkan 300 penduduk kampung mengeru-muni lokasi penyembelihan lembu dan kambing hingga terpaksa diusir polis

menyaksikan kebangkitan puak Taliban.

Ia tidak termasuk perang saudara di negara itu berikutan perbezaan ideologi politik dan fahaman agama, selain kepentingan tertentu yang mengorbankan banyak nyawa tidak berdosa, terutama wanita serta kanak-kanak, selain menyebabkan kemusnahan harta benda hingga menghalang kemajuan dibawa masuk ke sana.

Hakikatnya, dalam mana-mana perang di seluruh dunia, golongan berada awal-awal lagi melarikan diri ke luar negara bagi mencari perlindungan atau memulakan penghidupan baru, manakala mereka yang tinggal pastinya golongan miskin seterusnya menjadi mangsa



destinasi pelancongan terke-muka antarabangsa dengan kelebihan muka bumi dan warisan sejarah dimilikinya, termasuk sebahagian dari Laluan Sutera yang merentas wilayah itu, antara laluan per-dagangan terpenting dunia suatu ketika dulu.

Bagaimanapun, katanya, bahawa peperangan menyebab-kan wilayah itu 'lenyap' dari peta dunia, sekali gus menjejaskan pertumbuhan sosioekonomi masyarakat setempat.

Justeru, beliau berharap Presiden AS, Barack Obama mengotakan janjinya mengembalikan kuasa pen-tadbiran, termasuk mengun-durkan bala tenteranya dari bumi tandus itu menjelang 2014, selain membantu usaha



keadaan. Inilah yang berlaku di Bamiyan dan kebanyakan wilayah lain di Afghanistan, termasuk Kabul dan Kandahar, dengan sebahagian besar penduduknya hidup dalam keadaan serba kekurangan, namun pasrah menerima nasib malang mereka, selain menganggap apa yang berlaku sebagai suratan takdir.

Rakan Najwa, Salimah Muhammad, 17, berkata Bamiyan suatu ketika dulu

***Kepada Presiden Obama...
kembalikan semula
negara kami...
kembali keamanan
Afghanistan"***

Salimah Muhammad
Penduduk/Pembantu MALCON-ISAF

memulihkan keamanan serta pembangunan semula Afghanistan.

"Kami sudah bosan 'berperang'. Ia tidak mendatangkan apa-apa faedah pun, sebaliknya mendatangkan lebih banyak kerugian kepada rakyat Afghanistan. Kepada Presiden Obama... kembalikan semula negara kami... kembali keamanan dan kemakmuran bumi bertuah ini," katanya yang bertugas sebagai pembantu MALCON - ISAF.

Salfarizal Salleh, berkata hanya mereka yang pernah menjejakkan kaki di wilayah itu saja tahu betapa sengsaranya kehidupan masyarakat di sana, malah ada yang terpaksa menggali bukit dan tinggal dalam gua kerana terlalu miskin.

"Jika ada rumah pun, ia sekadar dibina dari tanah lumpur yang dikeringkan tanpa bekalan elektrik dan bersih, selain sistem saliran dan tandas sempurna. Belum lagi kita bercakap mengenai sistem perhubu-


hampiran.

"Hati saya cukup tersentuh bila dihampiri anak-anak kecil yang mengadu lapar dan meminta makanan. Ibu bapa mereka memang tidak mampu membeli makanan, malah ada yang terpaksa memberikan anak-anak air suam menggantikan susu, selain memberi makan hanya ubi kentang. Difahamkan, keadaan lebih teruk menjelang musim sejuk sepanjang Oktober hingga Januari," katanya.

Bagi Salfarizal, kenangan

Afghanistan bagi mengalami kejadian tidak diingini berlaku. Ketika sibuk melapah daging, seorang ibu dan anak kecilnya datang meminta ihsan agar diberikan sedikit daging. Namun, saya tidak dapat memenuhi permintaan itu kerana daging sudah dibahagikan mengikut kampung.

"Tidak sedikit pun dia merungut walaupun terpaksa pulang dengan tangan kosong. Sampai sekarang saya tidak boleh melupakan peristiwa itu," katanya.



Penulis mendukung bayi Afghanistan yang mendapat rawatan pasukan perubatan MALCON - ISAF.